

26 JUL 1999

LID-Mahathir

MAHATHIR TEGUR PEMBANGKANG BERHUBUNG PEMULIHAN EKONOMI

LANGKAWI, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur pembangkang kerana terikut-ikut dengan orang-orang Barat yang syak wasangka mempercayai pemulihan ekonomi Malaysia ketika ini adalah tidak benar.

Beliau berkata mereka beranggapan bahawa pemulihan ekonomi hanyalah satu khayalan walaupun "kita mempunyai angka-angka untuk menunjukkan bahawa pemulihan ekonomi kini sedang berlaku."

Sebagai contoh, beliau berkata rizab pertukaran asing Malaysia meningkat sebanyak 50 peratus daripada AS\$20 bilion kepada AS\$31 bilion dan mampu membiayai tujuh bulan import tertangguh.

"Peningkatan tinggi seumpama itu tidak pernah berlaku sebelum ini," katanya.

"Pemulihan kami adalah sesungguhnya benar," katanya ketika mempengerusikan satu perbincangan panel pada hari kedua Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata: "Tanyalah mana-mana rakyat Malaysia dan mereka akan menyatakan bahawa pemulihan ekonomi adalah sesungguhnya benar."

Perdana Menteri juga berkata pihak pembangkang dan pihak yang syak wasangka terhadap pemulihan itu mungkin berfikir bahawa "kami menjual kereta maya dan rakyat memakan makanan olok-olok."

Mengulas kenyataan Profesor Thomas Gregory, pakar ekonomi dari Universiti Houston di Texas bahawa Amerika Syarikat meraih keuntungan apabila ekonomi-ekonomi Asia dilanda krisis ekonomi dan sebaliknya apabila negara-negara terbabit pulih, ia akan menjejaskan Washington, Dr Mahathir berkata:

"Malaysia mahu melihat kemakmuran berterusan Amerika kerana ekonomi kami berkait rapat dengan ekonomi Amerika.

"Jika ekonomi Amerika menurun, kami juga akan terjejas kerana kami mengeluarkan semua mikrocip yang diperlukan oleh industri-industri di Amerika," katanya.

"Saya menyifatkannya sebagai satu keadaan yang kami mengaut keuntungan ketika mereka menurun dan begitu juga sebaliknya bagi mereka.

"Apa yang kita mahu lihat adalah kedua-dua pihak memperolehi kekayaan dan kemakmuran menerusi perkongsian pintar," kata Perdana Menteri pada perbincangan yang dihadiri kira-kira 300 peserta daripada 38 negara termasuk lapan ketua kerajaan.

"Malahan struktur kewangan baru dunia digalakkan oleh Malaysia, setiap orang sepatutnya memperolehi faedah daripadanya, bukan satu pihak meraih keuntungan manakala satu pihak yang lain menanggung kerugian," katanya.

Menurutnya krisis kewangan telah memusnahkan dengan sekelip mata segala usaha keras Asia Timur selama 40 tahun hanya dengan menurunkan nilai matawang, dan itulah sebabnya mengapa "kita perlu menanyakan diri kita sendiri sama ada kita perlukan dagangan matawang selain daripada membeli barangan dan perkhidmatan."

"Jika spekulator matawang tidak melihat peluang yang ada, mereka tidak akan menyerang kita, ia bukan kerana pentadbiran yang buruk.

"Mereka tidak akan pergi ke negara-negara yang mempunyai ekonomi yang buruk tetapi mereka menggunakan bidalan lama, "jika anda mahu merompak, carilah seseorang yang benar-benar kaya," katanya.

-- BERNAMA

MR ZK/OS RON

